

# 20 tahun penubuhan UMS

## ► Sekolah Perniagaan dan Ekonomi perkukuh universiti sebagai pusat kecemerlangan

UB 25.4.2014 B13

**KOTA KINABALU:** Penubuhan Universiti Malaysia Sabah sudah mencapai usia 20 tahun. Sepanjang tempoh itu, pelbagai kejayaan dan pencapaian direkodkan berkaitan dengan fungsinya sebagai sebuah institusi akademik, pusat penyelidikan, dan jambatan masyarakat untuk nusa bersatu.

Sesuai dengan motonya 'bertekad cemerlang' UMS akan terus menggembung usaha mencapai kecemerlangan ilmu, mencipta kemajuan teknologi, membentuk citra negara dan menghasilkan generasi berwawasan untuk masa hadapan.

Dalam tempoh 20 tahun, UMS mengisi ruang signifikan dalam arus pembangunan negara, khususnya bagi negeri Sabah sendiri yang memerlukan pemacu perubahan minda dan cetusan idea untuk masyarakatnya.

Di sini, khidmat untuk masyarakat dalam bentuk pengisian pendidikan, saluran teknologi dan keupayaan inovasi, sumber pengetahuan dan kepakaran, dampingan maklumat dan pemuliharaan jati diri



DR RASID

menjadikan UMS antara watak penting dalam arus pembangunan ekonomi negeri ini.

Tidak sedikit insan berilmu yang dihasilkan untuk masyarakat Sabah, yang diperlukan sebagai input modal manusia oleh pemain industri untuk menangani hambatan teknologi dan tuntutan globalisasi.

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), antara sekolah terawal ditubuhkan di UMS. Sebagai watak penting dalam proses menentu arah dan memperkuat citra UMS sebagai pusat kecemerlangan, kedudukan SPE sudah matang seiring dengan pertambahan kualiti graduan yang dilahirkan.

Dua puluh tahun dahulu,

ketika pemimpin negara mencanai rupa bentuk UMS dan melakar skrip wataknya di persada negara dan antarabangsa, bidang perniagaan dan ekonomi dilihat sebagai lompong yang perlu diisi.

Lantaran daya saing negara yang bergantung kepada kekuahan ekonomi dan keperkasaan pengurusannya, bidang ini dilihat sebagai agenda baharu negeri Sabah yang perlu diberi perhatian.

Kita sanjung pandangan jauh itu, kita dukung aspirasinya dan kita tatang misi serta wawasannya. Inilah wawasan yang sentiasa didokong dalam merancakkan jentera kecemerlangan seluruh warga SPE.

Maka lahirlah program pengajian yang mengkhusus keperluan negeri Sabah sendiri, menyantuni keperluan negara bangsa, menjiwai harapan rakyat jelata, serta menuju raihan gagasan pimpinan negara.

Elemen keusahawanan mula menjadi teras kepada usaha melahirkan para graduan, dengan kekuatan kakitangan yang agak kecil bilangan dan kemudahan yang agak terbatas.

Selari dengan perkembangandankeperluan negara, kekuatan program pengajian diasah, bilangan dan kepakaran kakitangan ditambah, rangkaian jaringan kerjasama disebar luas, dan infrastruktur berdiri megah.

Kekuatannya yang diperlukan dikenal pasti, bidang strategik terus digali, kelebihan bandingan tidak dilupakan, rancangan jangka panjang menjadi tunjang, keperluan masa hadapan menjadi sandaran.

Negeri Sabah yang potensi industri pelancongannya begitu gah, kekayaan budaya begitu istimewa, kepelbagaiannya biodiversiti yang menggamit hati, serta keunikangeografitidakbolehdinafi, telah menjadi inspirasi SPE membentuk jurusan dan fokus penyampaian.

Lahirlah program hospitaliti yang menawarkan bidang pelancongan dan pengurusan perhotelan sebagai wadah menyahut cabaran membangunkan negara, membekalkan modal insan yang dapat mendokong cita-cita bangsa, dan memenuhi keperluan tenaga mahir dalam memacu perkembangan industri pelancongan, khususnya di



SEPAJANG 20 tahun seramai 2,229 pelajar ijazah pertama dan 887 pelajar pascasiswazah telah berjaya menamatkan pengajian.



## PELAJAR berbilang bangsa selesa menuntut ilmu di SPE.

negeri Sabah sendiri.

Seiring dengan keperluan menjadikan SPE sebagai pusat penghasilan tenaga pakar dan aktiviti penyelidikan dalam bidang ekonomi dan perniagaan, bidang lain yang sangat kritikal juga ditawarkan. Bidang perniagaan, kewangan, pemasaran, perakaunan dan ekonomi telah juga diterokai dengan fokus utama ke arah melestarikan fokus perdana UMS, iaitu Bio-Diversiti, Akuakultur, Pembasmian Kemiskinan dan Pelancongan.

Melalui fokus perdana ini fungsi utama UMS, termasuk SPE sendiri, terarah dan digembung dengan sinergi yang mapan, untuk menangani cabaran dan halangan yang tiba, serta meneroka potensi yang ada.

Sebagai sebuah sekolah pengurusan SPE menjawab peranan malim dan hulubalang kepada keseluruhan kelompok lain dalam UMS untuk membuktikan kewibawaan dalam proses penyampaian, melaksanakan polisi awam, dan menjayakan aspirasi negara.

SPE dan kakitangannya terus komited meneroka bidang baru dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi, dengan kepekaan kepada keperluan persekitaran, masyarakat dan industri, di samping memastikan program sedia ada berjalan lancar dan terus ditambah baik.

Kini, dengan kekuatan 90 orang ahli akademia yang mempunyai pelbagai latar belakang kepakaran, termasuk beberapa orang dari luar negara, dengan bantuan staf sokongan dan pentadbiran yang komited, SPE yang diketuai dekan baharu iaitu

Prof Madya Dr Rasid Mail yakin untuk menongkah arus dan menentang badai demi memastikan ia terus relevan dan berperan dalam konteks negara dan masyarakat.

Pada masa ini, seramai 2,311 pelajar ijazah pertama dan 248 pelajar pascasiswazah berada dalam pengajian di SPE. Sepanjang tempoh 20 tahun ini, seramai 2,229 pelajar ijazah pertama dan 887 pelajar pascasiswazah berjaya menamatkan pengajian.

Mereka kini berada di pelbagai sektor dalam dan luar negara, menabur bakti menanam budi, membawa diri dalam aplikasi teori, menjunjung pesan dan didikan para pensyarah, menjadi sebahagian dari denyut nadi dalam kematangan negara dan kemandirian bangsa, membentuk citra dan warna watan, dengan pesan keramat yang sentiasa tersemat ‘Bertekad Cemerlang’.

Menurut Dr Rasid Mail, “fokus penyelidikan SPE yang terarah kepada sektor pelancongan yang merupakan penyumbang kedua terbesar sumber ekonomi negeri, serta sektor keusahawanan yang merupakan denyut nadi sosio-ekonomi masyarakat Sabah, banyak memberi faedah dan impak kepada Sabah dan rakyatnya.”

“Ditambah pula dengan fokus pembasmian kemiskinan, hasil penyelidikan akademia SPE tampil menyedia maklumat profil, taburan pendapatan serta input polisi yang berguna untuk negeri Sabah,” katanya.

Tambah beliau lagi, maklumat itu membantu sektor lain menggembung usaha mengurang kadar kemiskinan di negeri ini.

Dengan kepimpinan UMS yang sentiasa peka dan memberikan nafas segar serta azimat untuk citra negara, SPE semakin matang kini dan mula meneroka dunia.

Fokus utama untuk memantapkan kemahiran insaniah para graduan, melengkapkan mereka dengan rencah dan permintaan industri, di samping memperkaya mereka dengan jati diri bangsa dan rasa ‘dekat masyarakat’. Bagi maksud itu, jaringan lebih intim dan lestari industri digunakan SPE sebagai strategi.

Program dan pengisian yang ada dinilai berterusan untuk memastikannya terus relevan, selari dengan piawai dan penarafan kebangsaan dan antarabangsa.

Para akademia dan penyelidik pula didorong untuk meneroka bidang baru dan berpotensi dalam penyelidikan, untuk memperkaya khazanah inovasi SPE dan UMS, selari dengan hasrat membangun negara dengan kekuatan teknologi dan kelestarian harta intelek.

Dalam tempoh mendatang, khususnya dalam RMK11, SPE menyediakan pelan dasar untuk bertindak dan maju ke hadapan, menyediakan pelantar pembangunan infrastruktur dan infostruktur, menyusun atur keperluan modal insan, serta menyediakan citra kukuh yang mampu menjadi kamus dan rujukan kepada usaha interpretasi dan merealisasi usaha warga SPE menyahut seruan negara, mendukung harapan bangsa, dan menegakkan seruan agama.